

# THE TITAN

RICHWORKS™

Di Sini Lahirnya  
Usahawan Jutawan

1 MAC 2024 | BIL: 63  
[www.richworks.com](http://www.richworks.com)

[richworks.com/thetitan](http://richworks.com/thetitan)

## **Industry View**

Amalkan Budaya  
Kerja Yang Positif  
Untuk Kebahagiaan &  
Kejayaan Syarikat

SITI  
NUURHAYYU  
LANGIT BUKAN HAD



# JADIKAN MINAT SEBAGAI KERJAYA

Dalam dunia perniagaan yang sentiasa berubah, perjalanan seorang usahawan sering kali tidak dapat dijangkakan dengan mudah.

Bagi Siti Nuurhayyu Yatim (Ayu), pengasas Hayyan Consultancy yang merupakan pakar dalam perlindungan perniagaan dan pewarisan harta pusaka, beliau menceburkan diri dalam bidang ini disebabkan minatnya yang begitu mendalam bagi membantu para pelanggan yang memerlukan.

“Terciptanya perniagaan ini adalah disebabkan minat saya yang suka menyantuni dan berkomunikasi dengan pelanggan. Jadi, saya rasa perkara ini yang perlu saya lakukan memandangkan saya tidak bekerja.

“Tiba-tiba, saya terjumpa pula bidang takaful ini yang sememangnya ‘kena’ dengan jiwa di samping boleh memberi solusi lagi kepada pelanggan.

“Rakan-rakan yang menyertainya juga berkongsi cara hidup mereka dan saya lihat di situ bahawa saya boleh membantu masyarakat. Jadi, begitulah kisahnya bagaimana saya melibatkan diri dalam bidang ini,” katanya.

Memulakan kerjayanya secara bersendirian, beliau sebenarnya telah setia mengikuti program RichWorks sejak dari 12 tahun yang lalu kerana mahu memperbaiki beberapa aspek dalam diri termasuklah dari segi disiplin.

“Saya memang sudah lama belajar dengan RichWorks cuma tidak begitu serius sebelum ini. Saya selalu ikuti program yang diadakan sebab ingin memperbaiki diri dahulu. Perbaiki diri dan disiplin, itulah yang paling susah sebenarnya.

“Akhir sekali bila ada peluang, saya betul-betul capak pada diri untuk serius. Oleh itu, saya mulakan tindakan dengan sertai program pementoran Spire pada tahun 2022. Maka, bermulalah satu babak pembelajaran baharu dalam hidup saya.

“Bila sudah melalui proses itu, rupa-rupanya banyak sangat perkara yang perlu saya belajar dan tidak tahu sebenarnya. Jadi, saya terus tanamkan azam untuk ke program Titanium (Titan) pula selepas ini. Mungkin bila lagi dekat Datuk Wira Dr. Azizan Osman saya akan lebih mengetahui tentang kelemahan diri,” kongsiinya.

## NAK PERGI JAUH PERLU ADA PASUKAN

Setelah setahun di Spire, tanpa berlengah lagi beliau pun terus memohon untuk ke program Titan selepas berjaya mencapai sasaran jualan.

Biarpun pernah memohon untuk ke program Titan sebelum ini namun tidak berjaya, Ayu bagaimanapun tidak berputus asa untuk menyertainya kerana benar-benar bertekad untuk mendapatkan bimbingan eksklusif perniagaan daripada Datuk Wira Dr. Azizan Osman sendiri.

“Saya belajar untuk mempunyai pasukan sendiri sewaktu berada di Titan. Kalau tidak, memang saya buat segalanya bersendirian. Saya memang lagi suka uruskan segalanya sendiri daripada nak uruskan orang lain.

“Tapi, bila Dr. Azizan kata saya tidak boleh pergi jauh kalau seorang diri, maka saya mula ambil pasukan. Kalau nak pergi laju memang saya boleh buat bersendirian, tapi tidak situasinya jika mahu saya pergi jauh. Jadi, tahun ini makin ramailah staf dan pasukan yang saya ambil dalam syarikat,” jelasnya.

Menariknya, sebenarnya ibunya yang tercintalah yang meminta dirinya untuk belajar bersama dengan RichWorks setelah terlihat kemunculan Dr. Azizan di kaca televisyen suatu masa dahulu.

Tanpa disangka, asbab cadangan ibunya itulah yang membuatkan beliau terus komited untuk belajar dan kembangkan lagi perniagaannya hingga ke hari ini.

Meraih pelbagai perubahan positif setelah berada di

Titan, Ayu turut merasakan perbezaan dalam caranya berfikir untuk menguruskan staf berbanding hanya dirinya saja dahulu.

“Memang berbeza sebab kita nak uruskan diri sendiri pun bukannya senang. Tapi, ia lebih mudah berbanding menguruskan orang lain.

“Tapi, bila sudah berada dalam Titan, corak pemikiran yang dimiliki sudah berbeza. Saya perlu ada pasukan. Kalau nak buat jualan RM10 juta ke atas tak boleh nak buat sendirian. Bila sudah ada pasukan, kemahiran kepimpinan kita pula perlu mantap,” ujarnya.

## BANGKIT DENGAN BIMBINGAN

Walaupun mempunyai minat yang mendalam terhadap industri ini, namun kadangkala beliau juga pernah rasa kecewa apabila berhadapan dengan cabaran yang tidak kurang hebatnya sehingga menjatuhkan semangatnya untuk meneruskan lagi perjalanan dalam bidang ini.





“Jika ada pelanggan yang buat cerita tidak baik atau bermasalah, ia memang menjadi suatu cabaran besar buat saya. Selain itu, ada juga yang berbohong mengenai status kesihatan mereka untuk bahagian takaful.

“Tapi, saya ambil semua ini sebagai pengajaran terbesar dalam hidup saya. Kita kena kekal positif sebab masih ada ramai lagi klien saya yang positif.

“Di samping itu, semangat saya masih kental hingga ke hari ini juga disebabkan adanya bimbingan yang diterima. Kalau tidak, mungkin sudah lama saya angkat ‘handbrake’. Oleh sebab itulah saya masih terus ada dan bertahan sampai sekarang,” tambahnya.

Berkongsi perancangannya di masa hadapan, Ayu berharap agar syarikatnya dapat berkembang lebih besar selepas ini dan membantu lebih ramai lagi masyarakat yang memerlukan di luar sana mengenai kepentingan takaful dalam hidup mereka.

“Saya mahu agar orang lebih nampak dan dengar mengenai Hayyan Consultancy ini.

“Selain itu, saya juga mahu pastikan agar pasukan saya yang kini terdiri lebih daripada 20 orang untuk sentiasa rasa masa depan

mereka terjamin di sini dan membawa mereka menempuh segala cabaran dan capai kejayaan yang lebih besar di masa akan datang,” luahnya.

Bagi mengetahui lebih lanjut mengenai Hayyan Consultancy, layari laman Facebook AyuConfirm.com untuk mendapatkan maklumat tentangnya.





# 3

## NASIHAT

### TEPATI MASA

"Jaga masa. Dr. Azizan selalu cakap bahawa masa itu juga adalah makhluk Allah. Jadi, kita perlu menghormatinya," tambahnya.

### DISIPLIN & KONSISTEN

"Ini perkara yang paling susah untuk dibuat tapi kita tetap perlu melakukannya. Kalau kita serius nak berjaya, maka disiplin diri perlulah tinggi. Kalau tidak, memang tidak akan berjaya.

"Konsisten juga perlu seiring dengannya. Kalau hanya buat hari ini tapi esok tidak, maka apa yang ingin dicapai tidak akan menjadi juga," jelasnya.

### BAWA PASUKAN NAIK SEKALI

"Perkara yang Dr. Azizan cakap yang paling saya ingat adalah seorang pemimpin yang bagus adalah mereka yang bawa staf atau pasukannya berubah daripada biasa-biasa kepada luar biasa. 'No one to somebody'.

"Itulah pemimpin yang terbaik dan perkara itu yang saya selalu pegang apatah lagi di saat saya sedang membina pasukan ketika ini," ungkapnya menutup bicara.

# AMALKAN BUDAYA KERJA YANG POSITIF UNTUK KEBAHAGIAN & KEJAYAAN SYARIKAT

Budaya kerja yang positif mempunyai kepentingan yang sangat penting bagi sesebuah organisasi. Ini juga antara faktor yang membuatkan staf terus kekal bekerja di sesebuah syarikat itu dan memberikan prestasi yang terbaik dalam kerjayanya.

Bila rasa gembira, pastinya hari-hari di pejabat akan berasa begitu indah dan teruja bersama rakan sekerja.

Selain rasa bahagia, berikut adalah beberapa kepentingan budaya kerja yang positif.

## **MENINGKATKAN PRODUKTIVITI:**

Budaya kerja yang positif mencipta persekitaran di mana pekerja merasa termotivasi dan terinspirasi. Ini mendorong mereka untuk bekerja dengan lebih cekap dan produktif. Apabila pekerja merasa gembira dan puas dengan persekitaran kerja, mereka cenderung memberikan yang terbaik dalam pekerjaan yang dilakukan.

## **MEMBUATKAN PEKERJA GEMBIRA:**

Budaya kerja yang positif membantu mencipta suasana kerja yang menyenangkan dan membantu antara satu sama lain. Pekerja yang merasa dihargai, didengari dan disokong akan merasa lebih puas dengan pekerjaan mereka.

Ini boleh menyebabkan tahap kepuasan yang lebih tinggi dan seterusnya meningkatkan kesetiaan pekerja dan mengurangkan kadar perletakan jawatan oleh pekerja.

## **MENINGKATKAN KOLABORASI DAN KOMUNIKASI:**

Budaya kerja yang positif mendorong kolaborasi dan komunikasi yang berkesan antara pekerja.

Pekerja berasa selesa untuk berkongsi idea, memberi maklum balas dan bekerjasama dalam mencapai matlamat bersama. Ini membantu membina pasukan yang kuat dan meningkatkan kualiti kerja secara keseluruhan.

## **MENINGKATKAN INOVASI:**

Budaya kerja yang positif mencipta persekitaran di mana idea-idea baru diterima dan digalakkan. Pekerja berasa bebas untuk berfikir di luar



kotak, mengambil risiko dan mencuba perkara-perkara baru.

Ini mendorong inovasi dan kreativiti dalam organisasi yang dapat membantu meningkatkan daya saing dan mencipta keunggulan kompetitif.

### **MEMBINA IMEJ SYARIKAT:**

Budaya kerja yang positif dapat mencerminkan nilai-nilai syarikat dan membantu membina imej syarikat yang baik. Pekerja yang gembira akan cenderung bercakap positif tentang organisasi tempat mereka bekerja sama ada secara langsung atau melalui platform media sosial. Ini dapat membantu menarik staf baharu, menjaga reputasi syarikat dan meluaskan rangkaian perniagaan.

### **MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN PEKERJA:**

Budaya kerja yang positif juga menyumbang kepada kesejahteraan pekerja secara keseluruhan. Apabila pekerja berasa dihargai dan disokong, mereka mempunyai keseimbangan kerja-hidup yang lebih baik, mengalami tahap tekanan yang lebih rendah dan mempunyai kehidupan yang lebih memuaskan secara menyeluruh.

Dengan itu, budaya kerja yang positif mempunyai banyak manfaat yang signifikan bagi organisasi, termasuk peningkatan produktiviti, kebahagiaan pekerja, kolaborasi, inovasi, imej syarikat dan kesejahteraan pekerja. Ini menjadikan ia sebagai pelaburan yang penting bagi kejayaan jangka panjang sesuatu syarikat.



**RICHWORKS®**  
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

**BUSINESS  
COACHING**

***YOUR 1<sup>ST</sup> MILLION  
or RM10 MILLION***

B E R S A M A

**DATUK WIRA  
DR. AZIZAN OSMAN**

**21 FEBRUARI 2024 | RABU**



**Mohon di:**

**[richworks.com/businesscoaching](https://richworks.com/businesscoaching)**



E-MAGAZINE  
UNTUK  
BANGSA  
USAHAWAN

**RICHWORKS**  
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE  
**TITAN**

[richworks.com/thetitan](http://richworks.com/thetitan)

**PENAFIAN :** NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.